

UMNO negeri boleh rombak kepimpinan

UM 18 JAN 2003

Oleh
ZULKIFLI JALIL dan
NIK KHUSAIRI IBRAHIM

PULAU PINANG 17 Jan. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, badan perhubungan UMNO di negeri-negeri lain termasuk Terengganu akan turut menyaksikan perubahan kepimpinan selain Kelantan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan kepada semua Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri untuk mencadangkan apa yang terbaik bagi memantapkan jentera dan kedudukan parti di negeri masing-masing.

Tegas beliau, semua kepimpinan negeri kini mesti memikir serta merancang bentuk tindakan termasuk strategi untuk mengukuhkan UMNO menghadapi pilihan raya umum akan datang.

“Besarnya kemungkinan negeri-negeri lain juga mahu membawa peruba-

han tertentu dalam UMNO negeri masing-masing.

“(Bagi Terengganu) saya pasti akan ada (perubahan kepimpinan). Lagi pun, dalam sejarah UMNO ia sentiasa mengalami perubahan dengan memberi peluang kepada muka baru dan orang muda untuk ditonjolkan serta diberi pengiktirafan memimpin dan beri sumbangan kepada parti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyempurnaan pemuliharaan Masjid Kapitan Keling di Jalan Kapitan Keling di sini hari ini.

Abdullah ditanya sama ada badan perhubungan UMNO negeri-negeri lain akan turut mengalami perubahan kepimpinan selepas Dr. Mahathir semalam memperkemas kepimpinan UMNO Kelantan dengan melantik empat muka baru termasuk Zaid Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan menggantikan Datuk Annuar Musa.

Menurut Abdullah, UMNO sebenarnya sentiasa

memberi ruang kepada muka-muka baru untuk ditonjolkan sebagai pemimpin.

Namun, katanya, pada masa sama parti itu tidak mengetepikan anggota veteran dengan menggabungkan mereka bersama orang muda untuk membawa cabaran parti.

“Oleh itu, ketua-ketua perhubungan negeri mesti sentiasa memikir dan merancang tindakan yang perlu diambil untuk mengukuhkan parti,” katanya.

Mengulas perubahan kepimpinan UMNO Kelantan beliau berkata, barisan baru itu diharap mampu memberi kepimpinan terbaik untuk menawan semula Kelantan dari Pas pada pilihan raya umum nanti.

Dalam pada itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, polis telah membuat segala perediaan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan delegasi dan perwakilan negara asing yang menyertai Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) bulan depan.